

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

TARIKH : 18.05.2016 (RABU)

**Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan
apakah status perancangan Kementerian untuk lebih menyeimbangkan
harga barang di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pihak Kementerian menyedari bahawa terdapat perbezaan harga barangan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak di mana harga barangan adalah lebih tinggi di Sabah dan Sarawak. Antara punca perbezaan harga ini adalah kos pengangkutan barangan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Keadaan ini ditambah lagi dengan kos pengangkutan darat di Sabah dan Sarawak yang tinggi disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi dan taburan penduduk di kawasan-kawasan pedalaman yang terletak jauh dari bandar dan tidak mempunyai infrastruktur perhubungan yang baik. Sehubungan dengan itu, Kementerian merangka beberapa program bagi meringankan beban rakyat di Sabah dan Sarawak bagi membolehkan penduduk di sana membeli beberapa barangan keperluan pada harga yang seragam seperti di seluruh negara.

Pertama ialah **Program Penyeragaman Harga** yang mensasarkan penduduk di luar bandar dan pedalaman. Menerusi program yang telah bermula sejak daripada tahun 2009 ini, Kerajaan telah membiayai kos pengangkutan tujuh (7) barangan kawalan terlibat iaitu tepung gandum kegunaan am, minyak masak, gula, beras, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON 95 dan diesel ke kawasan pedalaman bagi memastikan golongan sasaran di kawasan berkenaan boleh mendapatkan barangan tersebut pada harga yang sama seperti di kawasan bandar.

Seterusnya ialah **Program Mobile KR1M** yang mula dilaksanakan sejak tahun 2013. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan di

dalam usaha menyeragamkan harga barangan KR1M, COOP1M dan FAMA di Sabah dan Sarawak pada harga yang sama seperti di Semenanjung. Melalui program ini, Kerajaan membiayai kos pengangkutan laut dan darat bagi barangan KR1M, FAMA dan COOP1M yang diangkut dari pelabuhan di Semenanjung ke pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Labuan dan seterusnya ke kedai KR1M, *Distribution Center* (DC) milik FAMA dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Kementerian berharap pelaksanaan program-program ini dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat di kawasan terlibat.